



## MAJLIS PELANCARAN PLOGGING KOMUNITI BUKIT INDAH, AMPANG



Pada 31 Ogos 2019 telah berlangsung Majlis Pelancaran Plogging Komuniti Bukit Indah. Dalam majlis yang sama turut berlangsung aktiviti kibaran jalur gemilang bagi menyemarakkan sambutan hari Kemerdekaan yang ke-62. Seramai 200 komuniti Taman Bukit Indah, Ampang telah memeriahkan majlis ini.

Perasmian majlis ini disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap Ahli Parlimen Ampang, YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin. Antara yang terlibat di dalam program ini ialah Team Selangor, ahli jawatankuasa pengelola, pelajar Kolej Komuniti Ampang, agensi kerajaan dan peniaga.



Komuniti Bukit Indah turut bergotong-royong membersihkan kawasan dan berjaya mengumpul pelbagai barangan kitar semula. Hasil kerjasama antara penduduk telah mengumpul sebanyak 140 kilogram (kg) terdiri daripada barangan seperti plastik, kotak, kertas, besi, dan aluminium. Barangan yang dikumpulkan akan dijual kepada pembekal Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).



Sumber: Unit Komunikasi Korporat